

07/04/2002

Pak Lah, Endon pasangan penyayang

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang sentiasa sibuk dengan tugas rasmi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno, mahu tidak mahu terpaksa mengikut `arahan' isteri, Datin Seri Endon Mahmood, untuk menghabiskan masa setengah hari di Seminar Keluarga Bahagia Nadi Kesejahteraan Negara, anjuran Yayasan Budi Penyayang (Penyayang), di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Suami isteri itu begitu mesra, apabila Abdullah mengusik isterinya, yang juga Pengerusi Penyayang, sebelum menyampaikan ucap tama dengan berkata: "Saya terpaksa berada di sini atas arahan Endon."

Bagaimanapun, beliau menjelaskan selepas sibuk dengan pelbagai tugas negara termasuk mengawasi perjalanan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ketari, Pahang, yang berakhir minggu lalu, permintaan untuk bersama-sama isterinya hari ini, perlu dipenuhi.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, yang menjadi pengerusi bagi sesi ucap tama dan dialog Abdullah, turut mengusik suami isteri itu dan sempat mengimbau sejarah perkahwinan mereka yang turut dihidirinya pada 1962.

Abdullah Ahmad yang mengikuti dari dekat kerjaya politik Abdullah turut mencetus hilai tawa di kalangan peserta apabila beberapa kali menyebut Abdullah sebagai `bakal' Perdana Menteri dan kemudian menegaskan, Abdullah sudah pasti akan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila beliau membuat keputusan untuk mengundur diri kelak.

Timbalan Perdana Menteri kemudian menghabiskan masa lebih sejam meninjau ruang pameran yang menempatkan persembahan dari kumpulan kanak-kanak bestari bertema `Smart Kids 2002 - Ke Alam Mereka', yang antara lain menempatkan pameran pakar produk pendidikan dan sumber-sumber, termasuk komputer bagi memenuhi misi satu keluarga satu komputer.

(END)